

BAHAGIAN A

Setiap item, dari SOALAN 1 hingga SOALAN 23, diberikan empat pilihan. Hanya satu daripada empat pilihan itu yang betul. Lorek jawapan yang betul dan tulis angka jawapan kamu dalam kertas OAS yang disediakan.

IMBUHAN (20 markah)

Arahan : Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Anda mempunyai kolestrol tinggi? Makanan berlemak boleh membuat saluran darah (1) ____? Orang kurus pun berisiko sakit jantung? (2) ____ yang seperti inilah yang selalu kita (3) ____.</p> <p>Ramai orang takut apabila memperkatakan tentang kolestrol dan mula (4) ____ beberapa langkah untuk mengurangkan paras kolestrol dalam badan. Namun, (5) ____ takut mengenai kolestrol akan terus menghantui hidup anda seandainya anda tidak (6) ____ cara hidup sihat.</p> <p>Anda hanya perlu mempraktikkan cara (7) ____ sihat atau bertukar kepada diet yang (8) ____ serta menjalani kehidupan aktif untuk mengawal paras kolestrol sekali gus mengawal berat badan.</p> <p>Dua perkara ini nampak senang tetapi tidak mudah untuk dilakukan. Apatah lagi, Singapura mempunyai pelbagai juadah jenis (9) ____ dan bersantan yang menjadi kegemaran ramai. Sungguhpun begitu, (10) ____ usaha anda agar dapat menghindari makanan yang berlemak! Sudah pasti hidup anda akan menjadi lebih sihat.</p>	<table><tr><td>1</td><td>(1) disumbat (3) penyumbat</td><td>(2) menyumbatkan (4) tersumbat</td></tr><tr><td>2</td><td>(1) Berkeluh (3) Mengeluh</td><td>(2) Keluhan (4) Pengeluh</td></tr><tr><td>3</td><td>(1) dengari (3) pendengaran</td><td>(2) mendengar (4) terdengar</td></tr><tr><td>4</td><td>(1) ambilan (3) mengambil</td><td>(2) diambil (4) pengambilan</td></tr><tr><td>5</td><td>(1) berasa (3) merasakan</td><td>(2) dirasakan (4) perasaan</td></tr><tr><td>6</td><td>(1) amalan (3) mengamalkan</td><td>(2) beramal (4) pengamal</td></tr><tr><td>7</td><td>(1) makanan (3) pemakanan</td><td>(2) memakan (4) termakan</td></tr><tr><td>8</td><td>(1) imbangan (3) pengimbangan</td><td>(2) keimbangan (4) seimbang</td></tr><tr><td>9</td><td>(1) bergoreng (3) menggoreng</td><td>(2) digoreng (4) penggorengan</td></tr><tr><td>10</td><td>(1) bertingkat (3) setingkat</td><td>(2) peningkatan (4) tingkatkan</td></tr></table>	1	(1) disumbat (3) penyumbat	(2) menyumbatkan (4) tersumbat	2	(1) Berkeluh (3) Mengeluh	(2) Keluhan (4) Pengeluh	3	(1) dengari (3) pendengaran	(2) mendengar (4) terdengar	4	(1) ambilan (3) mengambil	(2) diambil (4) pengambilan	5	(1) berasa (3) merasakan	(2) dirasakan (4) perasaan	6	(1) amalan (3) mengamalkan	(2) beramal (4) pengamal	7	(1) makanan (3) pemakanan	(2) memakan (4) termakan	8	(1) imbangan (3) pengimbangan	(2) keimbangan (4) seimbang	9	(1) bergoreng (3) menggoreng	(2) digoreng (4) penggorengan	10	(1) bertingkat (3) setingkat	(2) peningkatan (4) tingkatkan
1	(1) disumbat (3) penyumbat	(2) menyumbatkan (4) tersumbat																													
2	(1) Berkeluh (3) Mengeluh	(2) Keluhan (4) Pengeluh																													
3	(1) dengari (3) pendengaran	(2) mendengar (4) terdengar																													
4	(1) ambilan (3) mengambil	(2) diambil (4) pengambilan																													
5	(1) berasa (3) merasakan	(2) dirasakan (4) perasaan																													
6	(1) amalan (3) mengamalkan	(2) beramal (4) pengamal																													
7	(1) makanan (3) pemakanan	(2) memakan (4) termakan																													
8	(1) imbangan (3) pengimbangan	(2) keimbangan (4) seimbang																													
9	(1) bergoreng (3) menggoreng	(2) digoreng (4) penggorengan																													
10	(1) bertingkat (3) setingkat	(2) peningkatan (4) tingkatkan																													

(lihat halaman sebelah) ↪

PERIBAHASA (10 markah)

Arahan : Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Kassim dan Nizar bersahabat karib sejak di bangku sekolah lagi. Mereka berkongsi minat yang sama dan mendalam terhadap pelajaran Sains. Mereka juga gemar bermain kereta Hotwheels yang mereka reka sendiri.</p> <p>Setelah tamat pengajian di politeknik dalam bidang kejuruteraan, Kassim dan Nizar bercadang membuka sebuah bengkel kereta. Mereka mahu mempraktikkan pengetahuan mereka dengan sebaiknya. Oleh itu, mereka telah (11) <u>kerja keras bermati-matian</u> untuk memperhalusi selok-belok memperbaiki kereta dan menghadiri beberapa kursus khas mengenai cara-cara memulakan perniagaan dalam bidang ini.</p> <p>Kedua-dua rakan kongsi itu sering (12) <u>hidup saling bekerjasama</u> untuk menjayakan perniagaan mereka. Pada mulanya, Kassim dan Nizar mengalami kerugian. Namun, mereka (13) <u>tahan hati</u> dan tidak putus semangat. Mereka yakin (14) <u>jika mereka tekun dan sabar membuat sesuatu pekerjaan, akhirnya mereka akan berjaya juga.</u></p> <p>Dengan kecekalan hati dan semangat yang (15) <u>sangat tekad,</u> perniagaan mereka mula maju. Mereka berjaya mencapai cita-cita mereka yang murni itu.</p>	<p>11 (1) perah tenaga (2) memerah otak (3) banting tulang (4) mengorak langkah</p> <p>12 (1) bagai isi dengan kuku (2) bagai aur dengan tebing (3) bagai dakwat dengan kertas (4) bagai pahat dengan penukul</p> <p>13 (1) jujur (2) sabar (3) tabah (4) ikhlas</p> <p>14 (1) seperti lipas kudung (2) seperti garam jatuh di air (3) air dicencang tiada putus (4) sehari selembat benang, lama-lama jadi kain</p> <p>15 (1) tahan uji (2) tajam akal (3) berani mati (4) tolak ansur</p> <p>(lihat halaman sebelah) ↩</p>
---	---

KEFAHAMAN (8 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Semua ibu bapa inginkan anak mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Keputusan yang cemerlang akan menentukan masa depan yang cerah bagi anak mereka. Ibu bapa juga sanggup menghabiskan wang yang banyak untuk menghantar anak mereka ke pusat-pusat tuisyen. Mereka ingin membantu anak mereka mencapai cita-cita mereka.

Melalui pusat-pusat tuisyen ini, para pelajar mendapat bimbingan dan latihan tambahan selain apa yang dipelajari di sekolah. Di sekolah, guru-guru tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepada setiap pelajar kerana bilangan pelajar yang ramai berbanding di pusat-pusat tuisyen yang sedikit jumlahnya. Tambahan pula, tumpuan guru-guru di pusat tuisyen hanya kepada pengajaran dan pembelajaran sahaja tanpa melibatkan aktiviti kokurikulum. Setiap pelajar yang belajar di pusat tuisyen membayar perkhidmatan yang diperlukan secara bulanan. Jadi, tenaga pengajar perlu **melaksanakan** tugas mereka dengan baik.

Di samping itu, para pelajar boleh memilih sendiri masa belajar yang sesuai, sama ada pada waktu petang, malam atau pada hujung minggu. Dengan itu, para pelajar dapat membahagikan masa mengikut jadual harian sekolah atau di rumah.

Pelajar-pelajar yang belajar di pusat-pusat tuisyen lebih berminat untuk belajar kerana mereka mempunyai matlamat untuk mencapai keputusan yang cemerlang dan berasa rugi membayar yuran setiap bulan seandainya tidak dimanfaatkan.

Oleh itu, demi kecemerlangan anak-anak, ibu bapa tidak teragak-agak untuk membelanjakan wang yang banyak setiap bulan sekiranya anak-anak mereka lemah dalam sesuatu subjek. Justeru itu, amalan menghantar anak-anak ke pusat-pusat tuisyen bukanlah sesuatu yang merugikan.

(lihat halaman sebelah) ↪

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

16 Ibu bapa menghantar anak mereka ke pusat-pusat tuisyen untuk _____.

- (1) menghabiskan wang mereka
- (2) mengisi masa lapang anak mereka
- (3) mengekalkan keputusan anak mereka
- (4) menolong anak mereka mencapai impian mereka

17 Menghantar anak-anak ke kelas tuisyen ini berkesan kerana _____.

- (1) pelajar diberikan latihan tambahan
- (2) pelajar boleh datang bila-bila masa sahaja
- (3) perkhidmatan tenaga pengajar dibayar setiap bulan
- (4) pelajar tidak perlu melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum

18 Masa belajar di pusat-pusat tuisyen bergantung kepada _____.

- (1) minat pelajar
- (2) masa lapang ibu bapa pelajar
- (3) jadual harian sekolah atau di rumah
- (4) aktiviti waktu petang, malam atau hujung minggu keluarga

19 Perkataan **melaksanakan** dalam petikan bermaksud _____.

- (1) memerhatikan
- (2) melengkapkan
- (3) mengutamakan
- (4) menyempurnakan

(lihat halaman sebelah) ↩

RANGSANGAN GRAFIK (8 markah)

Arahan : Teliti brosur yang berikut.



A-GO-GO PHARM

Suplemen Sihat & Berkhasiat Untuk Diri dan Keluarga Anda Sejak 1973

Syarikat kami 100% milik anak Melayu-Islam yang profesional dan tulus. Suplemen kami dibuat di UK & USA. Suplemen kami diperbuat daripada bahan semula jadi. Terkenal di Malaysia dan Indonesia.

PROMOSI HARI KEBANGSAAN

3 BOTOL DENGAN HARGA \$100
(Harga biasa \$40 sebotol)

Dapatkan sekotak cenderamata istimewa SG50 bagi pembelian 5 botol ke atas!

Produk kami boleh didapati di:
A-GO-GO Pharms Pte Ltd
123, Genting Rd, #06-78, S(999123)

Atau di kedai-kedai:
Al- Juadah Centre
Toko Warisan Kesihatan

Untuk penghantaran percuma (di Singapura),
Hubungi talian : 61234789



IQ WHIZ

*Menyokong daya ingatan untuk kanak-kanak dan orang dewasa



OMEGA 3

*Mengekalkan tahap kolestrol baik bagi wanita dan lelaki



Slim Body

*Memecahkan lemak & menurunkan berat badan bagi wanita dan lelaki



Multi Vitz

*Rumusan khas pelbagai vitamin untuk kanak-kanak



X-Man

* Meningkatkan kecergasan dan tenaga bagi kaum Adam



Best Joint

* Membantu mengekalkan kesihatan sendi bagi warga emas

Bagi maklumat lanjut tentang suplemen kami, sila hubungi:
Encik Taha B Hatta
TEL: 67891234
atau langsung lelamen kami di
www.AGOGOPharm.com.sg

(lihat halaman sebelah) ↗

Arahan: Berdasarkan brosur di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

20 Brosur ini bertujuan _____.

- (1) memberitahu tentang promosi Hari Kebangsaan
- (2) memberikan cenderamata SG50 kepada semua pelanggan
- (3) memperkenalkan syarikat milik anak Melayu-Islam A-GO-GO Pharm
- (4) memberitahu penduduk Malaysia dan Indonesia tentang A-GO-GO Pharm

21 Suplemen-suplemen A-GO-GO Pharm laris dijual kerana _____.

- (1) dijual oleh syarikat yang professional dan tulus
- (2) mendapat penghantaran percuma ke luar negara
- (3) senang didapati di mana-mana sahaja di Singapura
- (4) diperbuat daripada bahan semula jadi dari UK dan USA

22 Pelanggan yang mahu melangsingkan badan dan memperbaiki kesihatan otak boleh membeli suplemen _____.

- (1) IQ WHIZ dan Best Joint
- (2) IQ WHIZ dan Slim Body
- (3) OMEGA 3 dan Multi Vitz
- (4) OMEGA 3 dan Slim Body

23 Bagi mendapatkan produk A-GO-Go Pharm yang ditawarkan, pelanggan boleh _____.

- (1) menelefon Encik Taha atau melungsuri lelaman
- (2) melungsuri lelaman atau menelefon talian yang diberikan
- (3) melawat ke bilik pameran A-GO-GO Pharm atau menelefon Encik Taha
- (4) melawat ke kedai Al-Juadah Centre atau Toko Warisan Kesihatan atau menelefon talian yang tertera